

Parlimen: Kerajaan Tidak Beri Peranan Kepada Suhakam Siasat Keganasan Bersih 3.0 - Abu Seman Bernama
12 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 12 Jun (Bernama) -- Kerajaan tidak memberikan peranan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) untuk menyiasat dakwaan keganasan yang berlaku pada perhimpunan Bersih 3.0, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Selasa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abu Seman Yusop bagaimanapun berkata kerajaan tidak menghalang sekiranya Suhakam ingin menubuhkan panel siasatan awam.

"Kerajaan tidak menghalang penubuhan panel itu berdasarkan bidang kuasa diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) 1999," katanya menjawab soalan Datuk Noraini Ahmad (Parit Sulong-BN).

Noraini bertanya adakah kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang menjadi penganjur Bersih 3.0 yang telah menjadi protes jalanan yang ganas mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Mengenai tindakan terhadap Datuk S. Ambiga dan sembilan lain yang bertanggungjawab terhadap perhimpunan itu, Abu Seman berkata polis telah mengemukakan laporan siasatan kepada Jabatan Peguam Negara dan setakat ini belum menerima apa-apa maklum balas.

Beliau berkata sekiranya penganjur dan peserta perhimpunan itu mematuhi Akta Perhimpunan Aman 2012, keganasan yang menggugat keselamatan dan ketenteraman awam tidak akan berlaku.

"Akta itu berkuatkuasa pada 23 April lepas, namun sehingga perhimpunan dijalankan pada 28 April tiada individu atau penganjur menghantar notis pemberitahuan kepada polis berkaitan perhimpunan berkenaan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672320>